



# MENANGI HADIAH WANG TUNAI!

berjumlah

## RM 20,007

### Cara yang mudah untuk menambah kekayaan Melabur dalam unit amanah

Penilaian simpanan dahulu tidak akan menentukan penilaian di masa hadapan. Nilai unit kepunyaan anda mungkin akan turun dan naik.

# Baca & MENANG

### HADIAH MINGGUAN

Pertama @ RM505 – Kedua @ RM303 – Ketiga @ RM101

### HADIAH UTAMA

Pertama @ RM5,055 – Kedua @ RM3,033 – Ketiga @ RM1,011

## MINGGU 2 Melabur Hanya Di Dalam Tabung Unit Amanah Yang Diluluskan

Terdapat ramai orang-orang yang tidak berlesen yang menawarkan skim-skim pelaburan dengan pulangan yang tinggi. Mereka menggunakan telefon, email atau laman web untuk menarik pelabur-pelabur untuk melabur di dalam skim-skim pelaburan mereka yang menjanjikan pulangan yang tinggi. Pelabur-pelabur yang melabur di dalam skim-skim pelaburan haram tersebut tidak dilindungi oleh undang-undang sekuriti. Malah, menurut Suruhanjaya Sekuriti (SC), seorang pelabur yang melabur di dalam skim haram mungkin turut melanggar undang-undang kerana bersubhat melakukan kesalahan.

Tabung unit amanah diluluskan oleh SC sebelum ditawarkan untuk jualan kepada orang ramai oleh agen-agen yang berlesen. Agen-agen tersebut terdiri daripada syarikat-syarikat Pengurusan Unit Amanah, Agen-agen Unit Amanah Berinstitusi seperti bank-bank dan firma-firma broker saham; dan konsultan unit amanah. Semua tabung unit amanah yang diluluskan mempunyai prospektus yang mana hendaklah dibaca dan difahami oleh pelabur. Terdapat banyak peraturan-peraturan mengenai unit amanah bagi melindungi kepentingan pelabur.

Jika terdapat keraguan samada sesuatu tabung itu diluluskan atau tidak, orang ramai boleh melayari laman web FMUTM, [www.fmutm.com.my](http://www.fmutm.com.my) untuk mendapatkan kepastian. Orang ramai juga boleh memastikan status konsultan unit amanah dengan meminta kad pengesahan FMUTM dan menyemak status konsultan tersebut di laman web FMUTM. Ini boleh dilakukan dengan mengisi nama penuh atau nombor kad pengenalan atau nombor pendaftaran FMUTM konsultan tersebut.

## MINGGU 2 Borang Penyertaan. Lengkapkan soalan dengan tepat dan menangi hadiah WANG TUNAI!!!

1 Apabila pelabur melabur didalam skim haram \_\_\_\_\_.

- A. Individu itu tidak dilindungi oleh undang-undang
- B. Pulangan adalah dijamin
- C. Individu itu melabur didalam tabung yang diluluskan

2 Anda boleh mengenalpasti kesahihan autoriti konsultan unit amanah melalui cara-cara berikut KECUALI

- A. Meminta kad pengesahan FMUTM
- B. Mengenalpasti status pendaftaran di laman web FMUTM
- C. Mempercayai kata-kata konsultan unit amanah semata-mata

3 Sebelum melabur, anda harus melakukan kesemua berikut KECUALI

- A. Memastikan tabung diluluskan
- B. Baca dan fahami prospektus
- C. Mencari tabung yang menjanjikan pulangan yang tinggi

### Butir-Butir Peserta

Nama : \_\_\_\_\_ (mengikut K/P)

Umur : \_\_\_\_ No.KP : \_\_\_\_\_ (Baru)

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Untuk dihubungi : \_\_\_\_\_ (rumah)

\_\_\_\_\_ (pejabat)

\_\_\_\_\_ (t/bimbit)

Stesen radio yang saya gemari ialah:

- Mix fm       My fm       Era fm
- Light fm       98.8 fm       Sinar fm

### Syarat-syarat & Peraturan Peraduan

1. Tempoh peraduan bermula dari 3 September 2007 hingga 26 November 2007 dan inya adalah anjuran Persekutuan Pengurus-Pengurus Unit Amanah Malaysia (FMUTM).
2. Penyertaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas kecuali kakitangan FMUTM, Syarikat Pengurusan Unit Amanah (UTMC), Agen Unit Amanah Berinstitusi (UTA), Mereka yang berurusan dengan Unit Amanah (PDU), Agensi pengiklanan atau promosi dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka.
3. Peserta dikehendaki menandakan  pada jawapan yang betul.
  - a) **UNTUK HADIAH MINGGUAN** > Hantarkan jawapan yang lengkap dalam masa 7 hari tidak termasuk hari peraduan di ikilankan.
  - b) **UNTUK HADIAH UTAMA** > Kumpul dan hantarkan kesemua 12 borang penyertaan sebelum 26 November 2007. Peserta yang telah menghantar 12 borang penyertaan pada setiap minggu juga akan layak untuk memenangi hadiah utama tertakluk pada para 5 and para 6(b).
4. Salinan fotostat borang penyertaan juga diterima dan peserta digalakkan untuk menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Setiap peserta hanya akan memenangi satu hadiah sahaja.
6. Pengadil adalah seperti berikut:
  - a) **PEMENANG MINGGUAN** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya kemudian diberi satu nombor berseri. Pemilihan akan dibuat

berdasarkan jumlah penyertaan yang layak pada minggu tersebut dan kemudian akan dibahagi tiga (jumlah hadiah mingguan).  
 Contoh : Sebanyak 20,007 penyertaan diterima tetapi hanya 2,077 penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya. Oleh itu hanya 2,077 penyertaan yang akan diberi nombor berseri. Formula > 2,077 ÷ 3 = 692.33.  
 Ini bermakna hadiah pertama akan dimenangi oleh penyertaan yang nombor berserinya 692, hadiah kedua kepada nombor berseri 1,384 (692 x2) dan hadiah ketiga kepada nombor berseri 2,076 (692 x 3).  
 b) **PEMENANG HADIAH UTAMA** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya untuk 12 minggu berturut-turut. Cara pemilihan adalah sama seperti pemilihan pemenang mingguan.